



3 April 2013  
3 April 2013  
P.U. (A) 126

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH EKSTRADISI (REPUBLIK KOREA) 2013

*EXTRADITION (REPUBLIC OF KOREA) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA EKSTRADISI 1992

PERINTAH EKSTRADISI (REPUBLIK KOREA) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2(1) Akta Ekstradisi 1992 [Akta 479], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Ekstradisi (Republik Korea) 2013**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 22 Triti.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, "Triti" ertinya Triti antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Korea mengenai Ekstradisi yang ditandatangani di Kuala Lumpur, Malaysia pada 17 Januari 2013 yang menurutnya suatu perkiraan telah dibuat antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Korea untuk mengekstradisikan penjenayah buruan mengikut Triti.

**Pemakaian Akta kepada Republik Korea**

3. Bagi maksud Triti, Akta Ekstradisi 1992 hendaklah terpakai berhubung dengan Republik Korea.

**Kemasukan Triti dalam Perintah**

4. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

JADUAL  
[Perenggan 4]

**TRITI  
ANTARA  
KERAJAAN MALAYSIA  
DENGAN  
KERAJAAN REPUBLIK KOREA  
MENGENAI  
EKSTRADISI**

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Korea (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”),

**BERHASRAT** untuk memperkukuhkan hubungan baik antara kedua-dua negara;

**MENGIKTIRAF** keperluan untuk mengadakan kerjasama yang lebih berkesan antara kedua-dua negara dalam menumpaskan jenayah;

Telah bersetuju seperti yang berikut:

**PERKARA 1  
OBLIGASI UNTUK MENGEKSTRADISIKAN**

Pihak-Pihak bersetuju untuk mengekstradisikan kepada satu sama lain, menurut peruntukan Triti ini dan selaras dengan undang-undang domestik masing-masing, mana-mana orang yang dituduh dengan, atau mana-mana orang yang disabitkan dengan, suatu kesalahan boleh ekstradisi dalam wilayah Pihak yang Meminta untuk tujuan pendakwaan atau menjalankan hukuman bagi suatu kesalahan boleh ekstradisi, mengikut mana-mana yang dikehendaki.

**PERKARA 2**  
**KESALAHAN BOLEH EKSTRADISI**

1. Bagi maksud Tritis ini, kesalahan boleh ekstradisi ialah kesalahan, walau bagaimanapun diperihalkan, yang boleh dihukum di bawah undang-undang kedua-dua Pihak dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu (1) tahun atau dengan suatu penalti yang lebih berat.

2. Sesuatu kesalahan hendaklah juga menjadi kesalahan boleh ekstradisi jika kesalahan itu terdiri daripada suatu percubaan atau komplot untuk melakukan, atau membantu atau menyubahati, apa-apa kesalahan yang diperihalkan dalam perenggan 1 dan boleh dihukum di bawah undang-undang kedua-dua Pihak dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu (1) tahun atau dengan suatu penalti yang lebih berat.

3. Jika permintaan bagi ekstradisi itu berkenaan dengan seseorang yang dihukum dengan pemenjaraan oleh mahkamah Pihak yang Meminta bagi apa-apa kesalahan boleh ekstradisi, ekstradisi boleh diberikan hanya jika suatu tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan hukuman pemenjaraan itu masih perlu dijalani.

4. Bagi maksud Perkara ini, dalam menentukan sama ada sesuatu kesalahan adalah kesalahan terhadap undang-undang kedua-dua Pihak:

(a) adalah tidak menjadi hal sama ada undang-undang Pihak-Pihak meletakkan perbuatan atau peninggalan yang menjadi kesalahan itu dalam kategori kesalahan yang sama atau memperihalkan kesalahan itu dengan istilah yang sama;

(b) keseluruhan perbuatan atau peninggalan yang dikatakan terhadap orang yang ekstradisinya dikehendaki hendaklah diambil kira dan adalah tidak menjadi hal sama ada, di bawah undang-undang Pihak-Pihak, elemen yang membentuk kesalahan itu berbeza.

5. Jika ekstradisi seseorang dikehendaki bagi suatu kesalahan terhadap undang-undang berhubung dengan percukaian, duti kastam, kawalan pertukaran wang atau perkara hasil lain, ekstradisi tidak boleh ditolak atas alasan bahawa undang-undang Pihak yang Diminta tidak mengenakan jenis cukai atau duti yang sama atau tidak mengandungi peraturan cukai, duti, kastam, atau pertukaran yang sejenis dengan undang-undang Pihak yang Meminta, dengan syarat bahawa perbuatan atau peninggalan yang baginya ekstradisi dikehendaki adalah suatu kesalahan dalam wilayah Pihak yang Diminta.

6. Jika kesalahan itu telah dilakukan di luar wilayah Pihak yang Meminta, ekstradisi hendaklah diberikan jika undang-undang Pihak yang Diminta memperuntukkan hukuman bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan di luar wilayahnya dalam hal keadaan yang seumpamanya, dan jika kehendak ekstradisi di bawah Triti ini selainnya dipenuhi. Jika undang-undang Pihak yang Diminta tidak memperuntukkan sedemikian, Pihak yang Diminta boleh, mengikut budi bicaranya, menolak ekstradisi.

7. Ekstradisi boleh diberikan menurut peruntukan Triti ini berkenaan dengan sesuatu kesalahan dengan syarat bahawa:

- (a) kesalahan itu adalah suatu kesalahan terhadap undang-undang Pihak yang Meminta pada masa perbuatan atau peninggalan yang menjadi kesalahan itu; dan
- (b) perbuatan atau peninggalan yang dikatakan adalah, jika perbuatan atau peninggalan itu telah dilakukan dalam wilayah Pihak yang Diminta pada masa permintaan bagi ekstradisi dibuat, menjadi suatu kesalahan terhadap undang-undang yang berkuat kuasa dalam wilayah Pihak yang Diminta.

8. Jika permintaan bagi ekstradisi itu adalah berhubungan dengan beberapa kesalahan, yang setiap satu kesalahan itu boleh dihukum di bawah undang-undang kedua-dua Pihak, Pihak yang Diminta boleh memberikan ekstradisi bagi apa-apa kesalahan yang memuaskan kehendak Triti ini.

9. Jika ekstradisi telah diberikan bagi sesuatu kesalahan boleh ekstradisi, ia hendaklah juga disifatkan sebagai telah diberikan bagi apa-apa kesalahan lebih ringan atau kesalahan boleh ekstradisi yang telah dibuktikan oleh fakta yang ekstradisi yang pertama disebut itu diasaskan.

### **PERKARA 3**

#### **PENOLAKAN MANDATORI EKSTRADISI**

1. Ekstradisi tidak boleh diberikan di bawah Triti ini dalam mana-mana hal keadaan yang berikut:

(a) Apabila Pihak yang Diminta menentukan bahawa kesalahan yang baginya ekstradisi diminta ialah kesalahan bersifat politik. Rujukan kepada kesalahan yang bersifat politik tidak termasuk kesalahan-kesalahan yang berikut:

(i) pembunuhan atau jenayah sengaja yang lain terhadap diri Ketua Negara, atau seseorang anggota keluarga terdekat Ketua Negara itu;

(ii) sesuatu kesalahan yang berkenaannya Pihak-Pihak mempunyai obligasi menurut suatu perjanjian antarabangsa pelbagai hala yang kedua-dua Pihak adalah negara pihak, untuk mengekstradisikan orang yang dikehendaki itu atau untuk mengemukakan kes itu kepada pihak berkuasa berwajibnya bagi keputusan tentang pendakwaan; dan

- (iii) sesuatu percubaan, persubahatan untuk melakukan, membantu atau berkomplot untuk melakukan atau mengambil bahagian dalam apa-apa kesalahan sedemikian sebagaimana yang disebut dalam subsubperenggan (i) dan (ii).
- (b) Jika, berkenaan dengan kesalahan yang baginya ekstradisi orang itu diminta:
- (i) orang itu telah dibebaskan dengan muktamad atau diberi pengampunan di bawah undang-undang Pihak yang Diminta;
  - (ii) orang itu telah menjalani hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta; atau
  - (iii) orang itu telah disabitkan dengan muktamad di bawah undang-undang Pihak yang Diminta.
- (c) Apabila pendakwaan atau hukuman bagi kesalahan yang baginya ekstradisi diminta adalah terhalang atas alasan yang ditetapkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta yang berhubungan dengan statut had masa. Tempoh masa seseorang yang ekstradisinya diminta yang melarikan diri daripada keadilan tidak dikira bagi maksud pengiraan statut had masa. Perbuatan atau hal keadaan yang boleh menanggukkan penamatan statut had masa mana-mana Pihak hendaklah diberi kuat kuasa oleh Pihak yang Diminta.
- (d) Apabila Pihak yang Diminta mempunyai alasan kukuh untuk mempercayai bahawa permintaan bagi ekstradisi itu telah dibuat dengan tujuan untuk mendakwa atau menghukum orang yang dikehendaki, atas alasan ras, keturunan etnik, jantina, agama, kerakyatan atau fahaman

politik, atau kedudukan orang itu mungkin termudarat atas mana-mana daripada sebab-sebab itu.

- (e) Jika kesalahan yang baginya ekstradisi diminta dianggap oleh Pihak yang Diminta sebagai suatu kesalahan di bawah undang-undang tentera, tetapi bukan suatu kesalahan di bawah undang-undang jenayah biasa Pihak yang Diminta.

2. Jika kesalahan yang baginya ekstradisi diminta di bawah Triti ini boleh dihukum dengan hukuman mati mengikut undang-undang Pihak yang Meminta, tiada permintaan bagi ekstradisi boleh dikemukakan tanpa rundingan dan persetujuan terlebih dahulu oleh kedua-dua Pihak untuk membuat permintaan itu. Rundingan sedemikian antara Pihak-Pihak itu tidak dianggap sebagai suatu rundingan mengikut maksud Perkara 19 dan apa-apa persetujuan yang dicapai antara Pihak-Pihak hasil daripada rundingan itu tidak akan mengikat jika didapati bahawa fakta yang relevan tidak dizahirkan semasa rundingan itu, sama ada kegagalan untuk menzahirkan itu disengajakan atau sebaliknya dan sama ada fakta itu diketahui atau tidak diketahui pada masa rundingan itu.

#### **PERKARA 4**

#### **PENOLAKAN MENGIKUT BUDI BICARA EKSTRADISI**

1. Ekstradisi boleh ditolak di bawah Triti ini dalam mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) Apabila kesalahan yang baginya ekstradisi dikehendaki dianggap sebagai suatu kesalahan yang Pihak yang Diminta mempunyai bidang kuasa ke atasnya;
- (b) Apabila Pihak yang Diminta berpandangan bahawa permintaan itu akan menjejaskan kedaulatan, keselamatan, kepentingan negara, ketenteraman awam atau kepentingan penting lain Pihak yang Diminta;

- (c) Apabila penyerahan itu berkemungkinan mempunyai akibat serius luar biasa bagi orang yang ekstradisinya dikehendaki, khususnya kerana umur atau keadaan kesihatan orang itu; dan
- (d) Apabila pendakwaan berkenaan dengan kesalahan yang baginya ekstradisi dikehendaki belum selesai dalam wilayah Pihak yang Diminta terhadap orang yang ekstradisinya dikehendaki.

2. Jika ekstradisi ditolak menurut subperenggan 1(a) Perkara ini, Pihak yang Diminta hendaklah mengemukakan kes itu kepada pihak berkuasa berwajibnya dengan tujuan supaya tindakan diambil terhadap orang yang dikehendaki itu di bawah undang-undang Pihak yang Diminta.

## **PERKARA 5**

### **PENYERAHAN SEMENTARA DAN TERTANGGUH**

1. Apabila tindakan sedang diambil terhadap orang yang dikehendaki itu atau orang yang dikehendaki itu sedang menjalani hukuman di Pihak yang Diminta bagi suatu kesalahan selain kesalahan yang baginya ekstradisi diminta, Pihak yang Diminta boleh menyerahkan orang yang dikehendaki itu atau menangguhkan penyerahan sehingga tamat prosiding atau selesai hukuman yang dikenakan. Pihak yang Diminta hendaklah memaklumkan Pihak yang Meminta tentang apa-apa penangguhan.
2. Jika permintaan bagi penyerahan itu dibuat berkenaan dengan seseorang yang tindakan sedang diambil terhadapnya oleh Pihak yang Diminta, Pihak yang Diminta boleh, walaupun orang itu disabitkan dan dihukum dengan pemenjaraan, meneruskan prosiding bagi penyerahan dan apabila keputusan untuk penyerahan dibuat, menyerahkan secara sementara orang itu kepada Pihak yang Meminta bagi maksud pendakwaan.

3. Jika seseorang diserahkan secara sementara, orang itu hendaklah ditahan dalam jagaan oleh Pihak yang Meminta selepas tamat prosiding terhadap orang itu, mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Pihak-Pihak.

## **PERKARA 6 EKSTRADISI RAKYAT**

1. Tiada Pihak terikat untuk menyerahkan rakyatnya sendiri di bawah Triti ini tetapi pihak berkuasa berwibawa setiap Pihak mempunyai kuasa untuk menyerahkannya jika, mengikut budi bicaranya, Pihak itu mendapati wajar untuk berbuat demikian.

2. Jika sesuatu Pihak menolak ekstradisi rakyatnya berhubung dengan sesuatu kesalahan menurut perenggan 1 Perkara ini dan mahkamah di Pihak yang Diminta mempunyai bidang kuasa ke atas kesalahan itu, Pihak yang Diminta hendaklah mengemukakan kes itu kepada pihak berkuasa berwibawanya supaya prosiding bagi pendakwaan orang itu berkenaan dengan kesemua atau mana-mana daripada kesalahan yang baginya ekstradisi itu dikehendaki boleh diambil jika pendakwaan tersebut didapati wajar.

## **PERKARA 7 PROSEDUR EKSTRADISI DAN DOKUMEN YANG DIKEHENDAKI**

1. Permintaan bagi ekstradisi itu hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui saluran diplomatik antara Kementerian Keadilan Republik Korea dan Jabatan Peguam Negara Malaysia.

2. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 1 Perkara ini, pihak berkuasa yang relevan yang disebut dalam perenggan 1 Perkara ini hendaklah

berkomunikasi secara langsung antara satu sama lain melainkan jika mereka memilih untuk berkomunikasi melalui saluran diplomatik.

3. Permintaan bagi ekstradisi itu hendaklah disertakan dengan:

- (a) suatu perihalan setepat yang boleh tentang orang yang dikehendaki, beserta dengan apa-apa maklumat lain yang boleh membantu untuk menentukan identiti dan kerakyatan orang itu termasuklah, apabila boleh, gambar dan cap jari dan, jika diketahui, lokasi orang itu;
- (b) suatu perihalan fakta yang dikatakan menjadi suatu kesalahan;
- (c) suatu perihalan mengenai kesalahan yang berhubungan dengan permintaan itu, termasuklah penalti yang terpakai, dan suatu pernyataan mengenai undang-undang yang relevan; dan
- (d) suatu pernyataan undang-undang yang berhubungan dengan apa-apa batasan masa yang dikenakan atas pemulaan prosiding atau pelaksanaan apa-apa hukuman yang dikenakan bagi kesalahan itu.

4. Apabila permintaan bagi ekstradisi berhubung dengan seseorang yang dituduh, permintaan ekstradisi itu hendaklah juga disertakan dengan salinan waran penangkapan yang dikeluarkan oleh hakim, majistret atau pegawai kehakiman berwibawa lain Pihak yang Meminta.

5. Apabila permintaan bagi ekstradisi berhubung dengan seseorang yang disabitkan, sebagai tambahan kepada butir-butir yang dikehendaki oleh perenggan 3 Perkara ini, permintaan ekstradisi itu hendaklah disertakan dengan suatu perakuan mengenai sabitan itu atau salinan penghakiman mengenai sabitan yang diberikan oleh mahkamah Pihak yang Meminta. Jika orang itu telah disabitkan dan dihukum, permintaan bagi ekstradisi itu hendaklah juga disokong oleh suatu pernyataan yang menunjukkan takat hukuman itu telah dilaksanakan. Jika orang itu telah disabitkan

tetapi belum dihukum, permintaan ekstradisi itu hendaklah juga disertakan dengan suatu pernyataan yang menyatakan sedemikian.

6. Permintaan, dokumen sokongan dan komunikasi lain yang dibuat menurut Triti ini hendaklah dalam bahasa Inggeris dan boleh, jika perlu, disertakan dengan terjemahan dalam bahasa rasmi Pihak yang Diminta.

7. Dalam hal permintaan kepada Malaysia, tiada keperluan untuk membuktikan kes *prima facie* terhadap orang yang dikehendaki itu sebagai syarat bagi ekstradisi menurut Triti ini.

## **PERKARA 8**

### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

1. Jika Pihak Yang Diminta berpendapat bahawa maklumat yang diberikan bagi menyokong sesuatu permintaan bagi ekstradisi tidak mencukupi mengikut Triti ini untuk membolehkan ekstradisi diberikan, Pihak itu boleh meminta supaya maklumat tambahan diberikan dalam masa yang ditetapkan olehnya.

2. Jika orang yang ekstradisinya dikehendaki itu berada dalam jagaan dan maklumat tambahan yang diberikan tidak mencukupi mengikut Triti ini atau tidak diterima dalam masa yang ditetapkan, orang itu boleh dilepaskan daripada jagaan. Pelepasan sedemikian tidak menghalang Pihak yang Meminta daripada membuat suatu permintaan baru bagi ekstradisi orang itu.

3. Jika orang itu dilepaskan daripada jagaan mengikut perenggan 2 Perkara ini, Pihak yang Diminta hendaklah memaklumkan Pihak yang Meminta secepat yang praktik.

**PERKARA 9**  
**KEBOLEHTERIMAAN DAN PENGESAHAN**

1. Sesuatu dokumen yang, mengikut Perkara 7, disertakan dengan sesuatu permintaan bagi ekstradisi hendaklah diterima sebagai keterangan, jika disahkan, dalam mana-mana prosiding ekstradisi dalam wilayah Pihak yang Diminta.
  
2. Sesuatu dokumen hendaklah dianggap telah disahkan bagi maksud Tritis ini jika dokumen itu:
  - (a) telah ditandatangani atau diperakui oleh hakim, majistret atau pegawai berwibawa lain Pihak yang Meminta sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang Pihak yang Diminta; dan
  
  - (b) telah disahkan dengan meterai rasmi Menteri atau pegawai yang berkenaan Pihak yang Meminta sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang Pihak yang Diminta.

**PERKARA 10**  
**PENANGKAPAN SEMENTARA**

1. Dalam hal yang memerlukan tindakan segera, mana-mana Pihak boleh meminta penangkapan sementara orang yang dikehendaki sementara menunggu pengemukaan permintaan bagi ekstradisi.
  
2. Permintaan bagi penangkapan sementara hendaklah dibuat secara bertulis atau, jika boleh, melalui apa-apa kaedah yang dapat menghasilkan suatu rekod bertulis dan dihantar secara langsung antara Kementerian Keadilan Republik Korea dan Jabatan Peguam Negara Malaysia.

3. Permintaan bagi penangkapan sementara hendaklah termasuk:
- (a) suatu perihalan mengenai orang yang dikehendaki, termasuk, jika boleh, gambar atau cap jari;
  - (b) lokasi orang yang dikehendaki, jika diketahui;
  - (c) suatu pernyataan atau perihalan mengenai kesalahan yang dikatakan telah dilakukan oleh orang yang dikehendaki itu, atau yang atasnya orang yang dikehendaki itu telah disabitkan;
  - (d) suatu pernyataan yang ringkas lagi padat mengenai fakta kes itu, termasuk suatu pernyataan mengenai perbuatan atau peninggalan yang dikatakan menjadi suatu kesalahan dan, jika boleh, masa dan lokasi setiap kesalahan itu;
  - (e) sesalinan waran penangkapan atau suatu pernyataan mengenai dapatan bersalah atau penghakiman mengenai sabitan terhadap orang yang dikehendaki itu;
  - (f) suatu pernyataan mengenai hukuman yang boleh, atau telah, dikenakan bagi kesalahan itu;
  - (g) suatu pernyataan bahawa suatu permintaan bagi ekstradisi orang yang dikehendaki itu akan menyusul; dan
  - (h) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki untuk memudahkan pelaksanaan permintaan.
4. Apabila permohonan sedemikian diterima, Pihak yang Diminta hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan penangkapan orang yang

penangkapan sementara itu diminta dan Pihak yang Meminta hendaklah diberitahu dengan segera mengenai hasil permintaannya.

5. Orang yang ditangkap secara sementara itu hendaklah dilepaskan jika Pihak yang Meminta gagal untuk mengemukakan permintaan bagi ekstradisi, yang disertakan dengan dokumen yang dinyatakan dalam Perkara 7, dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh penangkapan, dengan syarat bahawa pelepasan itu tidak menghalang permulaan prosiding dengan tujuan untuk mengekstradisikan orang yang dikehendaki itu jika permintaan itu diterima kemudian.

## **PERKARA 11**

### **EKSTRADISI DENGAN PERSETUJUAN**

1. Apabila seseorang yang dikehendaki memaklumkan mahkamah atau pihak berkuasa berwibawa lain Pihak yang Diminta bahawa orang itu bersetuju secara bertulis untuk diekstradisikan, Pihak yang Diminta hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk mempercepat ekstradisi setakat yang dibenarkan di bawah undang-undangnya.

2. Ekstradisi seseorang yang dikehendaki menurut Perkara ini hendaklah tertakluk kepada Perkara 15 dan Perkara 16.

## **PERKARA 12**

### **PERMINTAAN SERENTAK**

1. Jika permintaan diterima daripada Pihak yang Meminta dan satu atau lebih Negara lain bagi ekstradisi orang yang sama sama ada bagi kesalahan yang sama atau bagi kesalahan yang berlainan, Pihak yang Diminta hendaklah menentukan ke Negara mana antara Negara-Negara itu orang itu akan diekstradisikan dan hendaklah memberitahu Negara-Negara itu mengenai keputusannya.

2. Dalam menentukan ke Negara mana orang itu akan diekstradisikan, Pihak yang Diminta hendaklah menimbangkan segala hal keadaan yang berkaitan dan, khususnya, kepada:

- (a) sama ada permintaan itu dibuat menurut mana-mana triti;
- (b) kerakyatan orang yang dikehendaki;
- (c) keseriusan kesalahan itu secara relatif, jika permintaan itu berhubung dengan kesalahan yang berlainan;
- (d) masa dan tempat pelakuan setiap kesalahan;
- (e) urutan permintaan-permintaan itu diterima daripada Negara-Negara yang meminta;
- (f) tempat bermastautin biasa orang yang dikehendaki itu;
- (g) kepentingan masing-masing Negara-Negara yang meminta;
- (h) kerakyatan mangsa; dan
- (i) kemungkinan adanya ekstradisi selanjutnya antara Negara-Negara yang meminta.

3. Dalam Perkara ini, terma “Negara-Negara” ertinya Negara-Negara sebagaimana yang ditakrifkan di bawah undang-undang antarabangsa dan termasuklah mana-mana wilayah sesuatu Negara yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh kerajaan berdaulat Negara tersebut untuk membuat permintaan ekstradisi.

**PERKARA 13**  
**PENYERAHAN ORANG YANG DIKEHENDAKI**

1. Pihak yang Diminta hendaklah, sebaik sahaja suatu keputusan mengenai permintaan bagi ekstradisi dibuat, memberitahu keputusan itu kepada Pihak yang Meminta melalui saluran diplomatik.
2. Pihak-Pihak hendaklah memutuskan bersama tarikh dan tempat bagi penyerahan orang yang dikehendaki itu kepada pihak berkuasa sewajarnya Pihak yang Meminta dalam wilayah Pihak yang Diminta.
3. Pihak yang Meminta hendaklah membawa keluar orang itu dari wilayah Pihak yang Diminta dalam tempoh yang munasabah sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak yang Diminta dan, jika orang itu tidak dibawa keluar dalam tempoh itu, Pihak yang Diminta boleh melepaskan orang itu dan boleh menolak ekstradisi bagi kesalahan yang sama.
4. Jika hal keadaan di luar kawalannya menghalang sesuatu Pihak daripada menyerahkan atau membawa keluar orang yang hendak diekstradisikan, Pihak itu hendaklah memberitahu Pihak yang satu lagi secepat yang semunasabahnya praktik. Kedua-dua Pihak hendaklah memutuskan bersama tarikh baru untuk menyerahkan atau membawa keluar, dan peruntukan perenggan 3 Perkara ini hendaklah kemudiannya terpakai.
5. Jika ekstradisi diberikan di bawah Triti ini, Pihak yang Meminta hendaklah memastikan bahawa orang yang diekstradisikan itu dibicarakan dengan secepat mungkin.

**PERKARA 14**  
**PENYITAAN DAN PENYERAHAN HARTA**

1. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undangnya dan tertakluk kepada hak pihak ketiga, yang hendaklah dihormati dengan sewajarnya, Pihak yang Diminta boleh menyita dan menyerahkan kepada Pihak yang Meminta segala harta yang didapati dalam milikan orang yang dikehendaki pada masa penangkapannya yang mungkin material sebagai keterangan dalam membuktikan kesalahan yang berkenaan dengannya ekstradisi itu diberikan.

2. Tertakluk kepada perenggan 1 Perkara ini dan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pihak yang Diminta, harta yang tersebut di atas boleh, jika Pihak yang Meminta meminta sedemikian, diserahkan kepada Pihak yang Meminta walaupun ekstradisi itu tidak boleh dilaksanakan atas sebab orang yang dikehendaki itu telah mati atau melarikan diri.

3. Pihak yang Diminta boleh mengenakan syarat bagi penyerahan harta itu atas jaminan yang memuaskan hati daripada Pihak yang Meminta bahawa harta itu akan dikembalikan kepada Pihak yang Diminta dengan seberapa segera yang praktik. Pihak yang Diminta boleh juga menanggungkan penyerahan harta itu jika harta itu diperlukan sebagai keterangan di Pihak yang Diminta.

4. Pihak yang Meminta hendaklah menanggung kos pengembalian apa-apa harta yang diserahkan.

**PERKARA 15**  
**RUKUN SPESIALITI**

1. Seseorang yang telah diekstradisikan di bawah Tritis ini tidak boleh ditahan, didakwa, dibicarakan atau dihukum bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan sebelum

ekstradisi selain kesalahan yang baginya ekstradisi telah diberikan atau apa-apa kesalahan lebih ringan atau kesalahan boleh ekstradisi yang dibuktikan oleh fakta yang menjadi asas ekstradisi itu, kecuali dalam mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) apabila orang itu telah meninggalkan wilayah Pihak yang Meminta selepas ekstradisi itu dan secara sukarela kembali kepadanya;
- (b) apabila orang itu tidak meninggalkan wilayah Pihak yang Meminta dalam masa empat puluh lima (45) hari selepas dia bebas untuk berbuat sedemikian; atau
- (c) apabila Pihak yang Diminta bersetuju. Permintaan bagi persetujuan hendaklah dikemukakan, berserta dengan dokumen yang disebut dalam Perkara 7 dan suatu rekod mengenai apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diekstradisikan itu berkenaan dengan kesalahan yang berkaitan. Persetujuan boleh diberikan dalam masa empat puluh lima (45) hari apabila kesalahan yang baginya persetujuan itu diminta boleh diekstradisikan mengikut peruntukan Triti ini.

2. Perenggan 1 Perkara ini tidak terpakai kepada kesalahan yang dilakukan selepas ekstradisi.

## **PERKARA 16**

### **PENYERAHAN KEPADA NEGARA KETIGA ATAU TRIBUNAL ANTARABANGSA DAN PENYERAHAN SEMULA**

1. Seseorang yang telah diekstradisikan di bawah Triti ini tidak boleh diekstradisikan semula oleh Pihak yang Meminta kepada suatu Negara ketiga untuk perbicaraan atau penghukuman bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan sebelum ekstradisinya ke Pihak yang Meminta melainkan jika Pihak yang Diminta bersetuju kepada penyerahan itu.

2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Meminta, seseorang yang telah diekstradisikan di bawah Triti ini tidak boleh diserahkan semula oleh Pihak yang Meminta kepada suatu tribunal antarabangsa yang ditubuhkan mengikut suatu konvensyen antarabangsa pelbagai hala yang terpakai kepada Pihak yang Meminta untuk perbicaraan atau penghukuman bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan sebelum ekstradisinya ke Pihak yang Meminta melainkan jika:

- (a) Pihak yang Diminta bersetuju kepada penyerahan itu; dan
- (b) jika di bawah konvensyen itu, persetujuan Negara yang lain dikehendaki, Negara itu bersetuju.

3. Perenggan 1 atau 2 Perkara ini tidak menghalang ekstradisi semula atau penyerahan semula seseorang yang diekstradisikan kepada suatu Negara ketiga atau tribunal antarabangsa yang berkaitan yang ditubuhkan mengikut suatu konvensyen antarabangsa pelbagai hala yang terpakai kepada Pihak yang Meminta jika:

- (a) orang itu meninggalkan wilayah Pihak yang Meminta selepas ekstradisi itu dan secara suka rela kembali kepadanya; atau
- (b) orang itu tidak meninggalkan wilayah Pihak yang Meminta dalam masa empat puluh lima (45) hari daripada hari yang padanya orang itu bebas untuk pergi.

4. Bagi maksud perenggan 1 dan subperenggan 2(a) Perkara ini, sesuatu Pihak yang persetujuannya diminta boleh menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen atau pernyataan yang disebut dalam Perkara 7.

## **PERKARA 17**

### **TRANSIT**

Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undangnya, mana-mana Pihak boleh membenarkan transit melalui wilayahnya seseorang yang diserahkan kepada Pihak yang satu lagi oleh suatu Negara ketiga.

## **PERKARA 18**

### **REPRESENTASI DAN PERBELANJAAN**

1. Pihak yang Diminta hendaklah menasihatkan, membantu, hadir di mahkamah bagi pihak Pihak yang Meminta dan mewakili kepentingan Pihak yang Meminta, dalam apa-apa prosiding yang berbangkit daripada suatu permintaan bagi ekstradisi.
2. Pihak yang Diminta hendaklah menanggung perbelanjaan yang dilakukan dalam wilayahnya dalam penangkapan orang yang ekstradisinya dikehendaki, dan dalam penyenggaraan dalam jagaan orang itu sehingga penyerahan orang itu kepada seseorang yang dinamakan oleh Pihak yang Meminta.
3. Pihak yang Meminta hendaklah menanggung perbelanjaan yang dilakukan dalam membawa keluar orang yang diekstradisikan itu dari wilayah Pihak yang Diminta.
4. Pihak yang Meminta hendaklah menanggung perbelanjaan yang berhubungan dengan penterjemahan, pentafsiran dan pentranskripsian dokumen yang dikemukakan untuk menyokong suatu permintaan ekstradisi di bawah Triti ini dan pengangkutan orang yang diserahkan itu.
5. Dalam hal Pihak yang Meminta menguruskan representasi dan bantuannya sendiri, Pihak yang Meminta akan menanggung apa-apa kos yang dilakukan.

6. Jika perbelanjaan bersifat substansial atau luar biasa, Pihak-Pihak hendaklah berunding untuk menentukan cara kos itu hendak ditanggung.

## **PERKARA 19**

### **RUNDINGAN**

1. Bagi maksud menggalakkan penggunaan Triti ini yang paling berkesan, Pihak-Pihak hendaklah berunding, pada masa yang dipersetujui bersama oleh mereka, berkenaan pentafsiran, pemakaian atau pelaksanaan Triti ini sama ada secara am atau berhubung dengan sesuatu kes tertentu.

2. Pihak-Pihak boleh memajukan apa-apa langkah praktikal yang didapati perlu untuk memudahkan pelaksanaan Triti ini.

## **PERKARA 20**

### **PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

Apa-apa perbezaan atau pertikaian antara Pihak-Pihak yang berbangkit daripada pentafsiran atau pelaksanaan peruntukan Triti ini hendaklah diselesaikan secara persahabatan melalui rundingan atau runding bicara antara Pihak-Pihak melalui saluran diplomatik tanpa merujuk kepada mana-mana pihak ketiga atau tribunal antarabangsa.

## **PERKARA 21**

### **PINDAAN**

1. Triti ini boleh diubah suai atau dipinda pada bila-bila masa melalui persetujuan bertulis bersama Pihak-Pihak. Ubah suaian atau pindaan sedemikian hendaklah mula

berkuat kuasa pada tarikh yang dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak dan hendaklah menjadi sebahagian daripada Triti ini.

2. Apa-apa ubah suaian atau pindaan tidaklah menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau yang berdasarkan Triti ini sebelum atau sehingga tarikh ubah suaian atau pindaan itu mula berkuat kuasa.

## **PERKARA 22**

### **PERMULAAN KUAT KUASA DAN PENAMATAN**

1. Triti ini hendaklah mula berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh Pihak-Pihak memberitahu satu sama lain secara bertulis bahawa kehendak mereka masing-masing bagi permulaan kuat kuasa Triti ini telah dipatuhi.

2. Triti ini hendaklah terpakai bagi permintaan yang dikemukakan selepas tarikh permulaan kuat kuasanya, tidak kira perbuatan atau peninggalan yang berkaitan yang menjadi kesalahan berlaku sebelum atau selepas tarikh itu.

3. Mana-mana Pihak boleh menamatkan Triti ini melalui pemberitahuan bertulis melalui saluran diplomatik pada bila-bila masa. Penamatan hendaklah berkuat kuasa enam (6) bulan selepas tarikh notis itu diberikan.

4. Penamatan Triti ini tidaklah menjejaskan penyempurnaan apa-apa permintaan yang dibuat menurut Triti ini sebelum atau sehingga tarikh penamatan itu.

**PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS**, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Triti ini.

**DIBUAT** dalam dua salinan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 17 haribulan Januari 2013, dalam bahasa Melayu, Korea, dan Inggeris, dengan setiap teks sama sahnyanya. Dalam hal apa-apa perbezaan dalam pentafsiran antara mana-mana teks itu, teks bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

Bagi Kerajaan Malaysia

Bagi Kerajaan Republik Korea

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN  
*Menteri Dalam Negeri Malaysia*

KWON JAE JIN  
*Menteri Keadilan Republik Korea*

Dibuat 7 Mac 2013

[KDN.R:03/270/1-KOREA (26): JPN(R)152/64/28 Jld. 4; PN(PU2)512/III]

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN  
*Menteri Dalam Negeri*

*[Akan dibentangkan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat menurut subseksyen 2(3) Akta Ekstradisi 1992]*

EXTRADITION ACT 1992

EXTRADITION (REPUBLIC OF KOREA) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by subsection 2(1) of the Extradition Act 1992 [Act 479], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Extradition (Republic of Korea) Order 2013**.

(2) This Order comes into operation in accordance with Article 22 of the Treaty.

**Interpretation**

